



Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3
Tarikh : 20 Januari 2020

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2020

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pekeling berkaitan pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Universiti seperti di lampiran ini dikeluarkan untuk makluman dan rujukan semua Pusat Tanggungjawab (PTj). Untuk makluman Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pekeling ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2020**. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pekeling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

NORINI MOHAMAD

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM



Jabatan Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
- Pendaftar, UKM
- Penasihat Undang-Undang, UKM



UNIT DASAR & PENGUATKUASAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2020

PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan *Integrity Pact* bagi memastikan perolehan universiti dilaksana secara lebih telus, mengelak gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran.

LATAR BELAKANG

2. *Integrity Pact* merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam/kakitangan Universiti untuk tidak menerima/menawar/memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan Perolehan Universiti.

3. Selaras dengan Garis Panduan Perolehan UKM dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK1.1 Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menerangkan bahawa pihak yang terlibat dalam urusan perolehan Universiti hendaklah menandatangani *Integrity Pact* bagi meningkatkan nilai integriti dan ketelusan dalam urusan perolehan.

PELAKSANAAN

4. Tujuan utama *Integrity Pact* dilaksanakan dalam perolehan Universiti adalah seperti berikut:

- i. Mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah

- ii. Menghendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa
 - iii. Memastikan Universiti tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan
5. Pihak yang terlibat dalam pelaksanaan *Integrity Pact* adalah seperti berikut:
- i. Kakitangan yang terlibat dalam perolehan Universiti
 - ii. Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan
 - iii. Ahli Jawatankuasa Perolehan
 - iv. Penyebutharga/Petender
 - v. Perunding

Tindakan akan diambil bagi pelanggaran *pact* atau kontrak selaras dengan Akta Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000.

5.1. Kakitangan yang terlibat dalam perolehan universiti

5.1.1. Kakitangan yang terlibat di dalam proses perolehan seperti dilantik menjadi Urusetia, menguruskan pelawaan, membuat penilaian, mencadang dan melulus pemilihan, mengurus pendaftaran pembekal dan lain-lain urusan perolehan yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung hendaklah menandatangani **Surat Akuan Kakitangan Universiti Yang Terlibat Dalam Perolehan** seperti di **Lampiran A** seperti berikut;

- i. Melapor diri atau mula melaksanakan tugas
- ii. Memperbaharui akuan setiap tahun sekiranya masih lagi terlibat dalam proses perolehan

5.1.2. Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat hendaklah memastikan akuan ditandatangani dan disaksikan serta di simpan dalam simpanan fail pegawai/kakitangan berkenaan. Antara PTj yang terlibat adalah seperti Jabatan Bendahari, Prasarana UKM, Khazanah-UKM dan Bahagian/Unit di PTj yang terlibat dengan urusan perolehan.

5.2. Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan

5.2.1. Pegawai/kakitangan yang dilantik menganggotai jawatankuasa berkaitan perolehan dikehendaki melengkapkan dan menandatangani borang berikut;

- i. **Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan** bagi perakuan lantikan seperti di **Lampiran B**.

Urusetia perlu menyimpan satu salinan akuan tersebut untuk rekod dan rujukan

- ii. **Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan** setelah menamatkan tugas seperti di **Lampiran C**. Akuan ini hendaklah difailkan bersama laporan untuk rujukan urusetia

5.2.2. Jawatankuasa berkaitan perolehan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi
- ii. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
- iii. Jawatankuasa Penilaian Spesifikasi/Teknikal, Kewangan dan Penyelaras
- iv. Jawatankuasa Penyelarasan Tender
- v. Jawatankuasa Rundingan Harga
- vi. Jawatankuasa Barangan Import
- vii. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan

5.3. Ahli Jawatankuasa Perolehan

5.3.1. Pegawai/kakitangan yang dilantik menganggotai jawatankuasa perolehan dikehendaki melengkapkan dan menandatangani borang berikut;

- i. **Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan** semasa pelantikan sebagai ahli seperti di **Lampiran D**. Urusetia perlu menyimpan satu salinan akuan tersebut untuk rekod dan rujukan
- ii. **Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan** setelah menamatkan tugas seperti di **Lampiran E**. Akuan ini hendaklah disimpan oleh urusetia.

5.3.2. Jawatankuasa Perolehan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Sebut Harga
- ii. Jawatankuasa Perolehan Tender
- iii. Jawatankuasa Projek Sakit
- iv. Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja/Tuntutan
- v. Jawatankuasa Penyelarasan Harga
- vi. Lain-lain Jawatankuasa seumpama

5.4. Penyebutharga/Petender

5.4.1. **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran F** hendaklah disertakan semasa dokumen pelawaan disediakan. Penyebutharga/petender yang memberi

tawaran perlu menandatangani akuan tersebut dan dihantar bersama-sama tawaran yang dikemukakan.

5.4.2. **Surat Akuan Pembida Berjaya** seperti di **Lampiran G** akan disertakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima apabila tawaran berkenaan diluluskan oleh Universiti. Penyebutharga/petender perlu melengkapkan akuan tersebut dan menghantar bersama-sama Surat Setuju Terima yang telah diterima balas untuk rekod urusetia.

5.5. Perunding

5.5.1. **Surat Akuan Kepentingan Perunding** seperti di **Lampiran H** disertakan bersama Surat Niat (sekiranya ada) untuk ditandatangani perunding dan dihantar bersama cadangan perunding.

5.5.2. **Surat Akuan Perunding yang Dilantik** seperti di **Lampiran I** pula akan disertakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima apabila tawaran berkenaan diluluskan oleh Universiti. Perunding perlu melengkapkan akuan tersebut dan menghantar bersama-sama Surat Setuju Terima yang telah diterima balas untuk rekod urusetia.

PEMATUHAN

6. Pelaksanaan *Integrity Pact* ini diharap dapat meningkatkan kesedaran berkaitan salahlaku rasuah di kalangan pegawai/kakitangan yang terlibat dengan perolehan dan pihak syarikat/kontraktor yang berurusan seperti berikut:

- i. Pemberian dan penerimaan suapan (*kickback/bribery/corrupt*) antara penjawat awam dengan syarikat/kontraktor dalam pelbagai bentuk seperti wang, hadiah, derma, diskaun, bonus, pekerjaan dan sebagainya seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]
- ii. Penyalahgunaan kuasa yang melibatkan konflik kepentingan awam di mana pegawai/kakitangan mempunyai kepentingan;
- iii. Tuntutan atau perakuan palsu melibatkan syarikat/kontraktor dan pegawai/kakitangan
- iv. Pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan;
- v. Persubahatan antara pegawai/kakitangan dan syarikat/kontraktor.

7. Klausula mengenai pencegahan rasuah hendaklah dimasukkan dalam dokumen perolehan seperti syarat-syarat Sebut Harga, Surat Setuju Terima dan Kontrak.

PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2020**. Sehubungan itu Pekeliling Bendahari Bil 13/2010 Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Universiti **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM

